



**UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA  
PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2014/2015**

**KAEDAH MENGAJAR**

NAMA KURSUS	:	KEMAHIRAN HIDUP SEKOLAH RENDAH
KOD KURSUS	:	BBR 20503
PROGRAM	:	BBR
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2014/JANUARI 2015
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAH	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A DAN BAHAGIAN B DALAM BUKUSOALANINI. B) PILIH MANA-MANA DUA (2) SOALAN DI BAHAGIAN C DAN SILA JAWAB DALAM BUKU JAWAPAN YANG DISEDIAKAN. C) BUKU SOALAN HENDAKLAH DISERAHKAN BERSAMA SKRIP JAWAPAN ANDA PADA AKHIR PEPERIKSAAN.

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG TIGA BELAS (13) MUKA SURAT

**BAHAGIAN A**

<b>Nama Guru</b>	Ismail bin Saiman		
<b>Kelas</b>	Tahun 6	<b>Mata Pelajaran</b>	Kemahiran Hidup
<b>Tajuk</b>	Pemeliharaan Haiwan Kesayangan		
<b>Kaedah</b>	Perbincangan & Tunjuk cara		
<b>Tugasan</b>	Setiap murid secara berkumpulan dibekalkan dengan satu masalah untuk diselesaikan. Murid diminta menceritakan pengalaman (pengetahuan sedia ada) tentang pemeliharaan haiwan kesayangan. Dalam menyelesaikan masalah yang dibekalkan itu, mereka juga diminta menceritakan pengetahuan baru <b>secara aktif</b> berdasarkan pengetahuan sedia ada melalui penemuan, pengalaman baru dan model.		
<b>Pelaksanaan</b>	Dilakukan secara kumpulan 5 orang		

**JADUAL S1**

**S1** Berdasarkan maklumat yang dinyatakan dalam Jadual **S1**, namakan konsep pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dirancang untuk dilaksanakan oleh Cikgu Ismail.

- A Kontekstual
- B Kognitivisme
- C Behaviourisme
- D Konstruktivisme

**S2** Seorang guru mengajar amali reka cipta menggunakan bahan terbuang sambil berusaha menambahkan kebolehan pelajar dengan membuat tindakan dan ramalan secara saintifik serta bermakna.

Namakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang beliau gunakan.


- A Reka cipta
- B Penemuan inkuiiri
- C Kajian masa depan
- D Pembelajaran berdasarkan ketrampilan

**S3** Bilakah hasil pembelajaran bagi pembelajaran berdasarkan ketrampilan dapat dinilai?

- A Selepas selesai sesuatu unit pembelajaran
- B Selepas mengikuti sesuatu program pengajian
- C Selepas setiap kali sesi pengajaran dan pembelajaran
- D Selepas mengikuti sesuatu kursus atau mata pelajaran

- S4** Suasana aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan lebih menyeronokkan sekiranya guru berjaya mengaplikasikan strategi, kaedah dan teknik dengan berkesan. Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah pengajaran?
- A Aktiviti yang pelbagai dirancang dan digunakan dalam pengajaran  
B Cara-cara mata pelajaran diajar berdasarkan objektif jangka panjang  
C Proses pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi aktiviti, perlakuan dan kemahiran murid  
D Satu siri tindakan guru yang dilakukan secara bersistematik serta berurutan dengan tujuan mencapai objektif tertentu
- S5** Yang manakah antara berikut paling tepat menggambarkan strategi pengajaran berpusatkan murid?
- A Menekankan pembelajaran kendiri dan inkuiiri penemuan  
B Perancangan pembelajaran disediakan oleh murid sendiri  
C Mementingkan aspek perkembangan sahsiah dan emosi murid  
D Guru memberi perhatian kepada semua murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran
- S6** Bagaimakah teknik simulasi dapat membantu murid mencapai hasil pembelajaran?
- A Murid berpeluang membuat penilaian kendiri  
B Murid berpeluang mengalami sendiri sesuatu situasi  
C Murid berpeluang menentukan sendiri hasil pembelajaran mereka  
D Murid berpeluang menunjukkan bakat masing-masing semasa belajar
- S7** Modul merupakan antara bahan sokongan yang sangat berkesan untuk digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kenyataan yang tepat tentang ciri utama pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul ialah
- A bilangan hasil pembelajaran ditetapkan  
B tidak dilakukan penilaian di akhir modul  
C isi pelajaran disusun mengikut sukanan pelajaran  
D murid diberi kebebasan memilih tajuk dan kaedah pembelajaran

Nyatakan nama, jenis dan fungsi komponen berdasarkan simbol dalam jadual di bawah.

Simbol	Nama	Jenis	Fungsi
			

### JADUAL S8

- S8** Jadual **S8** adalah contoh soalan komponen elektronik dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.

Aras soalan mengikut Taksonomi Bloom berdasarkan soalan tersebut adalah

- A aplikasi
- B penilaian
- C kefahaman
- D pengetahuan

- S9** Lazimnya pada akhir tahun sebelum musim baru persekolahan bermula, rancangan tahunan bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah (KHSR) perlu disiapkan oleh


- A Guru kelas
- B Ketua bidang
- C Guru panatia
- D Guru mata pelajaran

- S10** Sebelum menyampaikan isi pelajaran, seseorang guru itu terlebih dahulu memulakan aktivitinya dengan melakukan set induksi.

Daripada pernyataan di atas, manakah antara berikut bukan tujuan pelaksanaan set induksi bagi sesuatu pengajaran?

- A Memotivasi murid untuk meneruskan pelajaran
- B Menimbulkan persoalan tentang tajuk yang akan dipelajari
- C Menjadikan murid lebih bersedia untuk mengikuti tajuk yang akan dipelajari
- D Menggalakkan murid berusaha ke arah jangkaan prestasi yang ditetapkan oleh guru

S11 Urutan langkah-langkah yang tepat dalam mentafsirkan sukatan pelajaran bagi menghasilkan rancangan kerja semester yang berkesan ialah



S12 Alat bantuan pengajaran yang paling asas dalam membantu pengajaran seseorang guru adalah

- A buku teks
- B papan tulis
- C kad imbasan
- D sukatan pelajaran

S13 Menurut kajian terkini, manakah bantu mengajar yang paling berkesan untuk memberi kefahaman kepada murid semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran?

- A Projektor LCD
- B Perisian komputer
- C Bahan multimedia
- D Bahan realia/sebenar

- S14** Tindakan berhemah yang sepatutnya diambil oleh guru Kemahiran Hidup dalam menguruskan bahan-bahan pengajarannya adalah sentiasa
- A mengenal pasti bahan-bahan lama yang perlu dilupuskan
  - B mencari peluang untuk membeli bahan – bahan yang baharu
  - C berusaha supaya bahan-bahan pengajaran boleh dimanfaatkan semula
  - D mencari ruang yang lebih kondusif untuk menempatkan bahan-bahan pengajaran
- S15** Sebaik sahaja sekolah menerima bahan bantu mengajar Kemahiran Hidup Sekolah Rendah, bahan itu seboleh–bolehnya hendaklah
- A disimpan di bengkel Kemahiran Hidup
  - B didaftarkan dan disimpan di tempat yang wajar
  - C diagihkan penyimpanannya dalam kalangan guru Kemahiran Hidup
  - D disimpan di bilik guru besar atau penolong kanan kecuali diperlukan
- S16** Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat membantu murid
- A belajar sendiri dengan penyeliaan yang minimum oleh guru
  - B memindahkan pembelajaran dari satu situasi ke satu situasi yang lain
  - C belajar mengekalkan maklumat lebih berkesan dengan melakukannya sendiri
  - D membina keyakinan diri kerana dapat memahami perhubungan antara teori dan amalan
- S17** Pernyataan yang tidak tepat tentang pengajaran mikro ialah ia
- A mesti dimulai dengan set induksi
  - B hanya dilaksanakan dalam makmal pengajaran mikro
  - C hanya berfokus kepada satu kemahiran tertentu sahaja
  - D mencakupi langkah permulaan hingga langkah penutup
- S18** Objektif komponen kemahiran variasi rangsangan dalam pengajaran mikro adalah seperti berikut kecuali
- A memusatkan perhatian murid dan mengekalkan minat mereka terhadap pengajaran guru.
  - B memberi peluang kepada murid melibatkan diri secara aktif melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan.
  - C memotivasi murid serta membangkitkan naluri ingin tahu melalui pelbagai aktiviti dan gaya penyampaian guru.
  - D menjalin hubungan yang berterusan antara guru dengan murid melalui pelbagai aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah.

**S19** Antara tajuk pelajaran yang berikut, manakah paling sesuai diajar menggunakan pendekatan pembelajaran berdasarkan projek?

- I Membaiki pakaian
  - II Mempromosi jualan
  - III Penyediaan bekas ikan hiasan
  - IV Menghasilkan produk reka cipta
  - V Penyelenggaraan bahagian bangunan
- 
- A I , II dan III sahaja
  - B I , III dan IV sahaja
  - C II , III dan IV sahaja
  - D III , IV dan V sahaja

**S20** Prinsip-prinsip berikut adalah sesuai dipadankan dengan kaedah tunjuk cara dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

- I Mengutamakan aspek keselamatan
  - II Membantu murid membuat rumusan
  - III Menarik perhatian murid terhadap aspek – aspek penting
  - IV Mengadakan aktiviti susulan bagi mengukuhkan kefahaman murid
  - V Menerangkan semula kepada murid mana-mana aspek yang menimbulkan keraguan
- 
- A I , II dan III sahaja
  - B I , III dan IV sahaja
  - C II , IV dan V sahaja
  - D III , IV dan V sahaja

(20 markah)

**BAHAGIAN B****S21**

Tajuk : 1.2 Kreativiti dan Reka Cipta

- (a) Kajian reka bentuk dan kefungsian produk.
- (i) Membuka dan memasang Kit Model Kereta.

**RAJAH S21**

- (a) Rajah **S21** adalah petikan maklumat Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup. Jelaskan langkah-langkah pengajaran menggunakan beberapa kemahiran asas Kajian Masa Depan.

Langkah 1

---



---



---

Langkah 2

---



---



---

Langkah 3

---



---



---

( 6 markah )

- (b) Berikan **dua (2)** bentuk aktiviti yang menekankan aspek psikomotor yang boleh diaplikasikan dalam Kaedah Kajian Masa Depan seperti tajuk dalam Rajah 1.

(i) \_\_\_\_\_

---



---

(ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

( 4 markah )

**S22** Pemilihan strategi, kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai akan meningkatkan keberkesanan pengajaran guru dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah .

(a) Terangkan konsep strategi pengajaran dan pembelajaran.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

( 3 markah )

(b) Nyatakan **tiga (3)** kelebihan strategi pengajaran berpusatkan bahan.

(i) \_\_\_\_\_  
(ii) \_\_\_\_\_  
(iii) \_\_\_\_\_

( 3 markah )

(c) Berikan **empat (4)** tujuan penyoalan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

(i) \_\_\_\_\_  
(ii) \_\_\_\_\_  
(iii) \_\_\_\_\_  
(iv) \_\_\_\_\_

( 4 markah )

**S23** Bahan bantu mengajar kerap kali digunakan oleh guru semasa menyampaikan isi pelajaran.

(a) Lima tujuan guru menggunakan bahan bantu mengajar adalah

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

(iv) \_\_\_\_\_

(v) \_\_\_\_\_

( 5 markah )

(b) Bahan bantu mengajar ialah alat yang menyokong proses penyampaian pembelajaran dan membantu guru menyampaikan isi kandungan dengan lebih efektif.

Berikan **tiga (3)** cara terbaik dalam menggunakan bahan bantu mengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas pelajar-pelajar yang cemerlang.

(i) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

( 3 markah )

- (c) Bagaimanakah cara memastikan bahan yang diperolehi daripada sumber internet merupakan maklumat yang sah dan sesuai digunakan oleh guru? Berikan **dua (2)** ciri umum dalam menilai sumber daripada internet.

(i) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

( 2 markah )

- S24** Pendedahan kemahiran pengajaran mikro merupakan satu bentuk latihan simulasi yang sangat berkesan dalam latihan perguruan. Salah satu kemahiran mikro ialah kemahiran variasi rangsangan.

Cadangkan **lima (5)** kemahiran variasi rangsangan dan beri contoh mudah tentang bagaimana amalan ini dapat dilaksanakan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

(i) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(iv) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(v) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

( 10 markah )

**BAHAGIAN C**

- S25** Keberkesanan pembelajaran dalam bilik darjah banyak bergantung kepada amalan pengajaran guru. Oleh itu amalan pengajaran perlu berorientasikan kepada pendekatan yang hendak digunakan oleh guru dan pengalaman sedia ada murid bagi memastikan supaya hasil pembelajaran dapat dicapai.

Huraikan perbandingan antara pendekatan objektivisme dengan pendekatan konstruktivisme dalam konteks mata pelajaran Kemahiran Hidup.

( 20 markah )

UNIT : Tanaman sayuran  
(Cadangan peruntukan masa ialah 8 minggu)

**TAJUK PEMBELAJARAN**

Penyediaan tapak semaihan sayuran

**HASIL PEMBELAJARAN** (Aras 1)

- Menyatakan peralatan perkebunan dan kegunaannya
- Mengenal pasti tapak/kawasan yang sesuai untuk ditanam dengan sayur-sayuran
- Membersihkan tapak
- Menggembur tanah

**CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN**

Mempamerkan peralatan pekebunan yang biasa digunakan seperti cangkul, sudip tangan dan pencakar tangan. Jika sekolah tidak mempunyai kawasan/tanah yang sesuai, aktiviti menanam sayur-sayuran boleh dilakukan di dalam bekas.

**RAJAH S26**

- S26** Rajah 26 adalah petikan maklumat daripada Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah bagi tahun enam.

- (a) Berdasarkan petikan tersebut, tuliskan maklumat umum satu rancangan pengajaran harian (RPH) bagi tempoh 60 minit langkah pengajaran (tidak perlu memasukkan langkah-langkah pengajaran).
- (b) Huraikan **tiga(3)** sebab mengapa maklumat umum perlu disediakan dalam RPH.

( 20 markah )

- S27** Proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah sangat berkait rapat dengan kemahiran guru memilih kaedah dan teknik yang digunakan semasa menyampaikan isi kandungan mata pelajaran kepada murid.

Bincangkan kaedah dan teknik pengajaran yang berpusatkan murid, guru dan bahan dalam era globalisasi.

( 20 markah )

-SOALAN TAMAT-